

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS
[JELEBU]**

SOALAN NO. 138

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan hutang peneroka FELDA yang telah dihapuskan dan berapa jumlah peneroka FELDA yang telah menerima manfaat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan terdahulu bersetuju melupuskan sebahagian pinjaman Peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) berjumlah RM 8.3 bilion secara bersyarat.

Pelupusan pinjaman ini telah diumumkan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin sempena sambutan Hari Peneroka FELDA 2021 pada 7 Julai 2021 yang disambut secara maya melibatkan Peneroka daripada seluruh Malaysia.

Manfaat pelarasan sebahagian hutang peneroka ini merangkumi:

- i) Penghapusan sebahagian baki pinjaman tanam semula sehingga 31 Disember 2019, berjumlah RM8.0 bilion yang akan memberi manfaat kepada 92,441 orang peneroka (meliputi 82% warga peneroka)
- ii) Penghapusan baki tunggakan baja sehingga 31 Disember 2019, berjumlah RM168 juta melibatkan 52,180 peneroka (meliputi 46% warga peneroka)
- iii) Penghapusan sepenuhnya baki pinjaman saham FGV sehingga 7 Julai 2021, yang berjumlah RM78 juta melibatkan 38,043 peneroka (meliputi 34% warga peneroka)
- iv) Penghapusan sepenuhnya baki pinjaman pembangunan asal sehingga 31 Disember 2019, yang berjumlah RM56 juta yang akan dinikmati 6,711 orang peneroka (meliputi 6% warga peneroka)
- v) Penghapusan sepenuhnya baki pinjaman Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF) sehingga 7 Julai 2021, yang berjumlah RM20 juta yang melibatkan 2,019 orang peneroka (meliputi 2% warga peneroka).

Status terkini sehingga 25 Ogos 2021, seramai 92,898 daripada keseluruhan 112,638 peneroka yang layak telah menandatangani perjanjian yang bersamaan 82.47%. FELDA telah memberi pertimbangan bagi melanjutkan tempoh penerimaan tawaran lupus hutang sehingga 31 Ogos 2021.

Pengurusan atasan FELDA dan Jawatankuasa Projek WAJAR amat komited dalam melaksanakan penyelarasan hutang pinjaman peneroka bagi meneruskan amanat yang telah diumumkan oleh mantan Perdana Menteri.

Memandangkan tempoh pertimbangan telah dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2021, AJK Projek WAJAR masih lagi meneruskan *task force* (dengan izin) secara bersepadu bagi pengumpulan data-data akhir jumlah penyelarasan hutang pinjaman peneroka, yang akan dimuktamadkan dengan melibatkan kerjasama semua peringkat Pengurusan FELDA samaada di ibu pejabat, wilayah-wilayah dan rancangan-rancangan FELDA.

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh : Encik Muhamad Shafira Bin Muhamad Raub
Timbalan Pengarah
Jabatan Kewangan
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
Telefon : 03-2191 2332 / 016-9799278

Disemak Oleh : Puan Raja Faridah Binti Raja Ahmad
Pengarah
Jabatan Kewangan
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
Telefon : 03-2191 2112 / 019-3808338

Maklumat Tambahan

BIL	RANCANGAN	JUM. PENEROKA (Berada + Luar Rncgn)	BERADA DI RCGN	BERADA DI LUAR RCGN	JUM. BORANG YANG DIEDARKAN (Setuju + Dlm Proses + Xsetuju)	JUMLAH BERSETUJU	DALAM PROSES	JUMLAH TIDAK BERSETUJU	% BERSETUJU	SELESAI T/TGN	BELUM T/TGN	% SELESAI T/T
1	PASOH 2	384	326	58	349	329	20	-	85.68	329	55	85.68
2	PASOH 1	449	351	98	441	362	68	11	80.62	362	87	80.62
	JUMLAH	833	677	156	790	691	88	11	82.95	691	142	82.95